



JABATAN WAKAF ZAKAT
DAN HAJI (JAWHAR) :

**SEDEKAD
MEMBINA
TAMADUN
UMMAH**



KANDUNGAN

Sekapur Sirih	1
Seulas Pinang	3
Secangkir Gambir	5
Maklumat Korporat JAWHAR	7
Ikon Pembangunan Hartanah Wakaf JAWHAR	12
Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Sepuluh Tahun Penubuhan JAWHAR	38
Penyandang Ketua Pengarah JAWHAR	138

SEKAPUR SIRIH

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengurniakan segala limpahan rahmat dan kurniaNya kepada kita semua, seterusnya saya mengucapkan selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta sahabat Baginda sekalian.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada JAWHAR kerana telah berjaya melaksanakan fungs-fungsi penubuhannya dengan berkesan sejak tahun 2004 sehingga ke hari ini di mana kehadiran JAWHAR amat dirasai oleh banyak pihak. Setelah genap 10 tahun penubuhan JAWHAR, banyak sekali cabaran dan liku-liku yang telah ditempuhi oleh JAWHAR dalam melaksanakan setiap objektif dan fungsinya. Ternyata JAWHAR terus tegak berdiri mendepani setiap cabaran dan meneruskan usaha dan cita-cita murninya.

Di awal penubuhannya, kerajaan telah melihat akan pentingnya diwujudkan satu agensi di peringkat Persekutuan yang dapat membantu serta memberikan tumpuan dalam usaha-usaha pembangunan sosioekonomi ummah. Usaha ini boleh direalisasikan melalui kerjasama yang erat bersama pihak berkuasa agama negeri-negeri. Sejak

ditubuhkan, JAWHAR telah berjaya memainkan peranannya sebagai pemudahcara bagi setiap urusan berkaitan hal ehwal wakaf, zakat dan mal dengan pihak berkuasa agama negeri. Kewujudan JAWHAR juga adalah sebagai satu pentas kepada negeri-negeri bagi duduk bersama untuk membincangkan dan menetapkan keputusan bersama berkaitan isu-isu berbangkit melibatkan teras JAWHAR. Kehadiran JAWHAR kini disambut baik oleh banyak pihak yang telah melihat akan pentingnya tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh jabatan ini.

Sepanjang tempoh 10 tahun ini juga, telah banyak usaha signifikan yang telah dilakukan oleh JAWHAR dalam melaksanakan setiap objektif dan fungsinya. Program-program yang telah dilaksanakan termasuklah meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai wakaf, zakat, mal dan haji, penerbitan bahan-bahan rujukan berkaitan bidang teras JAWHAR yang diakui amat berguna oleh pihak berkepentingan serta memberi dimensi baru dalam pembangunan hartaanah wakaf di Negara ini. JAWHAR juga telah berjaya menujuhkan Yayasan Waqaf Malaysia yang kini memberikan fokus dalam pembangunan wakaf di Negara ini termasuklah penerokaan sumber-sumber dan kaedah baru bagi tujuan tersebut. JAWHAR juga amat konsisten dalam usahanya untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus institusi wakaf, zakat, mal dan haji di Negara ini. Kejayaan JAWHAR dalam menjalinkan kerjasama yang erat bersama pihak berkuasa agama negeri telah memberikan banyak manfaat yang dikongsi

bersama antara pihak Kerajaan Persekutuan, negeri-negeri dan khususnya umat islam di Negara ini.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah terutamanya kepada setiap warga kerja JAWHAR yang telah bekerja keras dengan penuh dedikasi dalam mencapai visi dan misi serta objektif penubuhan jabatan ini. saya berharap agar JAWHAR akan terus cemerlang dan bergerak maju ke hadapan dalam melaksanakan fungsinya demi untuk kepentingan kemajuan ummah di Negara ini. Syabas dan selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih



YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B)
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

SEULAS PINANG

KETUA SETIAUSAHA NEGARA



Saya mananjatkan setinggi kesyukuran Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT di atas limpahan rahmat dan inayahNya, Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sahabat Baginda sekalian. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapan kepada Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) di atas

ulang tahun penubuhannya yang ke 10 pada tahun ini.

JAWHAR telah diisytiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 oleh mantan Perdana Menteri Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi semasa mengumumkan kabinet kerajaan Malaysia. Penubuhan jabatan ini merupakan titik permulaan dalam usaha Kerajaan Persekutuan membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah pada masa hadapan. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Kerajaan juga sentiasa ingin meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih baik. 10 tahun adalah satu tempoh masa yang lama. Dalam

tempoh ini, berbagai peristiwa dan pengalaman telah ditempuh dan mencorakkan organisasi seperti JAWHAR. Sepanjang tempoh ini juga, JAWHAR telah menunjukkan kematangannya dengan mencetuskan perubahan-perubahan positif bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan sistem penyampaian. Kerajaan pada masa kini di bawah kepimpinan YAB perdana Menteri amat menitikberatkan mengenai program transformasi kerajaan. Program ini bertujuan untuk menjadikan kerajaan lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan rakyat serta memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat maju, bersatu padu dan saksama dengan kualiti kehidupan yang tinggi untuk semua. Ini seajar dengan misi nasional ke arah mencapai Wawasan 2020 untuk Malaysia mencapai status negara maju sepenuhnya.

Penubuhan JAWHAR dahulu adalah selari dan relevan dengan hasrat kerajaan pada masa kini. Dalam usaha memperkasa, memajukan pembangunan sosioekonomi ummah dan mempertingkatkan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji, JAWHAR telah dengan jayanya bertindak sebagai penghubung dan pemudahcara antara pihak berkepentingan seperti pihak berkuasa agama negeri, Lembaga Tabung Haji, agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan pihak-pihak lain dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. Peranan yang dimainkan JAWHAR ini telah menyumbang kepada penambahbaikan dalam mutu dan kecekapan

sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada pelanggan. JAWHAR telah menyahut setiap saranan, perubahan dan melaksanakan dasar kerajaan dengan berkesan.

Dewasa ini, banyak cabaran yang perlu ditempuhi oleh setiap agensi dan jabatan kerajaan termasuk JAWHAR dalam menghadapi perubahan persekitaran yang lebih mencabar, peningkatan ekspektasi pelanggan dan perubahan sosio masyarakat. Saya berharap agar JAWHAR dapat bergerak dengan lebih maju pada masa hadapan dalam menyahut setiap cabaran semasa, memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan ummah dan Negara.

Selamat maju jaya saya ucapkan.

Sekian, terima kasih



Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara

SECANGKIR GAMBIR

KETUA PENGARAH JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafa'kan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya jua Jabatan Wakaf Zakat dan Haji(JAWHAR) telah berdiri teguh selama 10 tahun pada tahun 2014. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sahabat Baginda sekalian.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan sekalung tahniah dan syabas kepada seluruh warga JAWHAR di atas usaha gigih dan komitmen jitu dalam memastikan JAWHAR kekal relevan sehingga telah mencapai 10 tahun ulangtahun penubuhannya..

Sejarah penubuhan JAWHAR bermula pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H dengan pengumuman oleh Perdana Menteri Kelima Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi semasa mengumumkan Kabinet Kerajaan Malaysia. Penubuhan Jabatan ini membawa bersama hasrat untuk membangunkan sumber modal bumiputera seperti tanah dan harta wakaf dengan kerjasama Pihak Berkuasa Islam Negeri sebagai langkah pro aktif menggerakkan ekonomi umat Islam.

Penubuhan JAWHAR juga menunjukkan bahawa kerajaan memandang serius terhadap usaha untuk membangunkan kekuatan umat islam di Negara ini dengan meneroka bidang-bidang yang berpotensi untuk dimajukan ke tahap yang lebih baik di samping sentiasa memelihara maslahah ummah. Penambahbaikan dalam mutu sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat juga telah diberikan perhatian yang khusus.

Sejak awal penubuhannya, JAWHAR telah menanam visi untuk menjadi sebuah Jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji. JAWHAR juga mempunyai misi untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi berkaitan melalui tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik.

Banyak kejayaan yang telah diperolehi oleh JAWHAR sepanjang tempoh ini. Antara yang paling menonjol, JAWHAR telah memberikan nafas baru dalam pembangunan hartaanah wakaf di Negara ini melalui pembangunan projek-projek yang memberikan manfaat kepada masyarakat merangkumi pusat kesihatan, kebajikan, perumahan, ruang niaga dan perhotelan. JAWHAR sentiasa bekerjasama erat dengan semua Majlis Agama Islam Negeri dengan bertindak selaku pemudahcara bagi membincangkan setiap isu berbangkit berhubung wakaf, zakat dan baitulmal.

JAWHAR juga telah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan atas kecemerlangan tadbir urusnya seperti pencapaian 4 bintang audit pengurusan dan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti, 5 bintang pengurusan laman web, penggunaan aplikasi dalam talian bagi urusan perolehan dan kewangan kerajaan serta pensijilan sistem pengurusan kualiti dari perspektif islam oleh SIRIM.

Sebagai ejen yang diberikan amanah oleh kepimpinan tertinggi Negara, JAWHAR akan sentiasa berpegang teguh kepada prinsip dan dasar yang sedang berkuatkuasa dan akan terus memperkasakannya menerusi fungsi yang telah digariskan.

Akhir kalam, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan agensi yang menjadi pendokong utuh sehingga JAWHAR mampu berdiri selama sedekad dan

semua yang telah menyumbang tenaga serta idea bagi merealisasikan Coffee Table Book sempena 10 tahun penubuhan JAWHAR. Semoga warga JAWHAR dapat mengekalkan sifat dinamik dan berdaya saing, berdedikasi dan kerjasama erat demi memantapkan lagi pencapaian Jabatan. Diharapkan tahun mendatang akan terus membawa harapan menyinar seperti kilauan permata (JAWHAR).

Sekian, terima kasih



Datuk Haji Anan bin C Mohd
Ketua Pengarah

SEJARAH JAWHAR

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah diisytiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H oleh mantan Perdana Menteri Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Ahmad Badawi semasa mengumumkan kabinet kerajaan Malaysia.

Penubuhan jabatan ini merupakan titik permulaan dalam usaha Kerajaan Persekutuan membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah pada masa hadapan.

Iltizam mantan Perdana Menteri seterusnya dizahirkan lagi dalam ucapan beliau semasa pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9 pada 31 Mac 2006 di Dewan Rakyat :

*“Di samping itu, kita akan membangunkan sumber modal Bumiputera, seperti **tanah dan harta wakaf** di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab **fardu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam** dan membantu usaha pembangunan insan”.*

Pelancaran rasmi JAWHAR telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Seri Dr Abdullah bin Md Zin, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal Islam) pada 8 Oktober 2004 bersamaan 23 Syaaban 1425H, bertempat di Dewan 2, Aras Concourse, Pusat Konvensyen Putrajaya.

VISI

Menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah bertaraf dunia.

MISI

Meningkatkan tarafsosio-ekonomi ummamenerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah melalui tadbirurus dan system penyampaian perkhidmatan terbaik

OBJEKTIF

Terdapat empat objektif JAWHAR seperti berikut:

- Memperkasa dan memajukan pembangunan sosio-ekonomi ummah dalam bidang Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah melalui kerjasama erat dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan;
- Mempertingkatkan tadbirurus terbaik institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah;
- Meningkat kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam mengenai konsep Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah; dan
- Menyubur dan membudayakan *turath* (legasi) dalam amalan berwakaf di kalangan masyarakat Malaysia.

FUNGSI

Terdapat lima fungsi khusus JAWHAR seperti berikut:

- Merancang, melaksana, memantau dan menyelaras pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah;
- Merancang dan menyelaras keperluan serta keseragaman system perundangan bagi pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah;
- Menjalinkan kerjasama pintar dengan agensi-agensi Kerajaan serta GLC/pihak swasta dalam pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah;
- Menjalankan kajian serta penyelidikan, penerbitan dan penyelarasan mengenai isu dan program-program pembangunan khazanah umat Islam supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah; dan
- Membantu dan member khidmat sokongan dalam pengurusan sumber manusia, kewangan dan ICT kepada Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan.

MOTTO

“ BERSAMA MEMBINA TAMADUN UMMAH “

SLOGAN

“ BERSAMA MEMANTAPKAN JAWHAR “

SINGKATAN JAWHAR

Perkataan 'JAWHAR' berasal daripada Bahasa Arab yang bermaksud permata yang berharga dan tinggi nilainya. Perkataan JAWHAR itu sendiri melambangkan harapan jabatan untuk menjadi sebuah agensi terunggul dan amat berharga seperti sebutir permata. Perkataan 'JAWHAR' juga sesuai dengan aspirasi JAWHAR untuk menghasilkan *outcome* bermutu tinggi umpama sebutir permata yang amat bernilai, yakni suatu manifestasi keunggulan sebuah jabatan Kerajaan bertaraf dunia.

Perkataan JAWHAR juga melambangkan akronim kepada nama jabatan. **JA** ialah singkatan bagi perkataan **Jabatan**, huruf **W** mewakili **Wakaf** dan huruf **H** mewakili **Haji**. Zakat dan Mal diwakili oleh **HAR** yang disingkatkan daripada perkataan **Harta** iaitu asas kepada pembangunan sosio-ekonomi umat Islam.

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai hakikat kebijakan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah SWT mengetahuinya”.

MAKSUD SURAH ALI IMRAN: AYAT 92

IKON PEMBANGUNAN HARTANAH WAKAF

“Transformasi pembangunan hartanah wakaf yang dijalankan oleh JAWHAR telah dapat dizahirkan melalui kejayaan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang kini telah menjadi ikon pembangunan hartanah wakaf oleh JAWHAR”

RUMAH ANAK YATIM DARUL AITAM WALMASAKIN (JAWHAR - MAIK), KEDAH

**Bangunan Asrama Anak
Yatim Darul Aitam
Wal Masakin Sultanah
Haminah binti Hamidun
(JAWHAR-MAIK) Alor
Setar Kedah**

Kos :RM2.08 juta

Siap dibina :

30 November 2009

Manfaat :

Penempatan 50 Anak
yatim perempuan

Persekutuan
pembelajaran yang
kondusif

Pembangunan Modal
Insan untuk negara





ASRAMA BAKTI (JAWHAR - MAIK) MACHANG, KELANTAN



Bangunan Asrama Anak Yatim (JAWHAR-MAIK) Machang, Kelantan

Kos: RM1.5 juta

Siap dibina:

15 April 2010

Manfaat:

Penempatan 50 Anak yatim lelaki

Persekutuan pembelajaran yang kondusif

Pembangunan Modal Insan untuk negara






KEDAI PEJABAT (JAWHAR - MAIPk) TAMBUN, PERAK

**Bangunan Ruang Niaga
(JAWHAR- MAIPk)
Tambun, Perak**

Kos: RM1.6 juta
Siap dibina:
21 April 2010
Manfaat:
Premis perniagaan
untuk usahawan muslim
terutamanya golongan
asnaf

Peningkatan taraf sosio-
ekonomi umat Islam

Penyumbang sumber
dana kepada Majlis
Agama Islam dan Adat
Melayu Perak (MAIPk)



RUMAH KEDAI (JAWHAR - MAIP) MUKIM UTAN AJI, PERLIS



Bangunan Rumah Kedai (JAWHAR-MAIP), Mukim Utan Aji, Perlis

Kos: RM4.24 juta

Siap dibina:

31 Januari 2011

Manfaat:

Premis perniagaan untuk usahawan muslim terutamanya golongan asnaf

Pusat pengumpulan produk pertanian dan perikanan

Peningkatan taraf sosio-ekonomi umat Islam



PUSAT HEMODIALISIS (JAWHAR - MAINJ) BATU PAHAT, JOHOR



**Pusat Hemodialisis
(JAWHAR-MAIJ) Batu
Pahat, Johor**

Kos: RM8 juta

Siap dibina:

7 Disember 2010

Manfaat:

Persekutuan rawatan
dialis yang kondusif dan
selesa

Peningkatan taraf sosio-
ekonomi umat Islam





**PUSAT PERLINDUNGAN WANITA (JAWHAR - MAINJ) TAMAN PERLING,
JOHOR**





**Bangunan Rumah
Perlindungan Wanita
Taman Perling
(JAWHAR-MAIJ), Mukim
Pulai, Johor Baru**

Kos: RM7.33 juta
Siap dibina:
31 Disember 2010
Manfaat:
Pusat perlindungan
wanita teraniaya di Johor

Kelas-kelas ilmu agama
Islam dan kemahiran
hidup kepada peserta

Meningkatkan kualiti
hidup umat Islam



KOMPLEKS AL-SA'ADAH (JAWHAR - MAINS) SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

**Kompleks Saudara Baru
Seremban (JAWHAR-
MAINS), Negeri
Sembilan.**

Kos: RM4.5 juta

Siap dibina :

31 Disember 2010

Manfaat:

Penempatan 100 orang
saudara baru

Kelas-kelas ilmu agama
Islam yang lebih efektif

Menjalankan aktiviti-
aktiviti kerohanian dan
pemantapan akidah





**HOTEL GRAND PUTERI (JAWHAR-MAIDAM)
KUALA TERENGGANU, TERENGGANU**

**Hotel Grand Puteri
(JAWHAR-MAIDAM)
Kuala Terengganu,
Terengganu**

Kos: RM41.68 juta
Siap dibina:
8 April 2013
Manfaat:
Premis perniagaan
kepada usahawan hotel
muslim

Peningkatan taraf sosio-
ekonomi ummah

Peningkatan sumber
dana kepada MAIDAM





Hotel Seri Warisan (JAWHAR-MAIPk) TAIPING, PERAK

Hotel Seri Warisan (JAWHAR-MAIPk) Taiping, Perak

Kos: RM19 juta

Siap dibina:

31 Julai 2011

Manfaat:

Premis perniagaan
kepada usahawan hotel
muslim

Peningkatan pendapatan
kepada MAIPk

Pengurangan kadar
pengangguran di
kalangan umat Islam





HOTEL KLANA BEACH RESORT (JAWHAR - MAINS) PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

**Klana Beach Resort
(JAWHAR-MAINS) dan
Kompleks Baitul Hilal
Teluk Kemang, Port
Dickson,
Negeri Sembilan**

Kos: RM18 juta
Siap dibina:
11 November 2011
Manfaat:
Premis perniagaan
kepada usahawan hotel
muslim

Peningkatan taraf sosio-
ekonomi ummah

Peningkatan sumber
dana kepada MAINS



**KOMPLEKS BAITUL HILAL (JAWHAR - MAINS),
PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN**



KOMPLEKS PENDIDIKAN MAAHAD AL-MASHOOR AL-ISLAMI (JAWHAR - MAINPP) BALIK PULAU, PULAU PINANG



**Komples Pendidikan
Maahad Al-Mashoor
Al-Islami, (JAWHAR-
MAIPP) Balik Pulau,
Pulau Pinang**

Kos: RM41 juta
Siap dibina:
21 Disember 2010
Manfaat:
Penempatan 1000 pelajar

Persekutuan
pembelajaran yang
kondusif

Pembangunan Modal
Insan untuk negara





ASRAMA PELAJAR WAKAF WAN MAHMOOD, (JAWHAR - MAIDAM)TERENGGANU



Asrama Pelajar Besut (JAWHAR-MAIDAM) Besut, Terengganu

Kos: RM8.3 juta

Siap dibina:

18 September 2011

Manfaat:

Persekutuan
pembelajaran yang
kondusif

Pembangunan Modal
Insan untuk negara

Peningkatan sumber
dana kepada MAIDAM





HOTEL PANTAI PUTERI (JAWHAR-MAIM) MELAKA

**Hotel Pantai Puteri
(JAWHAR-MAIM) Pantai
Puteri, Melaka**

Kos: RM25.6 juta

Siap dibina:

9 Jun 2011


Manfaat:

Premis perniagaan
kepada usahawan hotel
muslim

Peningkatan taraf sosio-
ekonomi ummah

Peningkatan sumber
dana kepada MAIM






“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang menguruskannya dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (ketetapan hukum demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

MAKSUD SURAH AT-TAUBAH: AYAT 9

AKTIVITI - AKTIVITI
SEPANJANG 10 TAHUN
PENUBUHAN JAWHAR



2004



Petikan ucapan Mantan Perdana Menteri Y.A.Bhg Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi semasa pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9 pada 31 Mac 2006 di Dewan Rakyat:

*“Di samping itu, kita akan **membangunkan sumber modal Bumiputera**, seperti tanah dan harta wakaf di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri. Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri perlulah **mengambil tanggungjawab fardhu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam dan membantu usaha pembangunan insan.**”*



Pejabat JAWHAR
terletak di Aras 7, Blok
E2, Kompleks E, Pusat
Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, Putrajaya

Majlis pelancaran JAWHAR secara rasmi telah disempurnakan oleh YB.Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 8 Oktober 2004, bertempat di Dewan 2, Aras Concourse, Pusat Konvensyen Putrajaya.






Petikan ucapan mantan YB Menteri di majlis pelancaran JAWHAR;

*“Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat & Haji ini bertujuan untuk **memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan.** Ia juga bermaksud untuk **meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan** ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang”.*



▼ Warga perintis JAWHAR bergambar bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri





2005



Bagi membina perhubungan yang baik bersama pihak berkuasa agama serantau, JAWHAR telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Agama Islam Brunei pada 30 Januari 2005 hingga 2 Februari 2005





JAWHAR menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri pada 23 Oktober 2005



Mantan Perdana Menteri,
Y.A.Bhg. Tun Abdullah Haji
Ahmad Badawi melawat gerai
JAWHAR sempena Majlis
Jamuan Hari Raya JPM pada 16
Oktoper 2005




Mantan Timbalan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Hj Abd.Razak melawat gerai JAWHAR sempena Majlis Jamuan Hari Raya JPM pada 16 Oktober 2005





Bagi menyahut seruan kerajaan agar mengamalkan budaya kualiti dalam kerja, sambutan Hari Kualiti JAWHAR telah diadakan pada 12 Disember 2005





2006



Pegawai JAWHAR yang diketuai oleh mantan Ketua Pengarah, mengiringi YB Menteri semasa musim Haji pada 7-20 Januari 2006



Selaras dengan usaha pembangunan institusi zakat di Malaysia dan serantau,


Persidangan Zakat Asia Tenggara telah diadakan pada 14 Mac 2006 dengan kerjasama bersama UiTM dan PPZ, MAIWP





Gema Wakaf di peringkat nasional melalui penganjuran **Konvensyen Wakaf Kebangsaan** yang telah diadakan pada 12-14 September 2006 dengan tema **“Wakaf Memartabatkan Kecemerlangan Ummah”**. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri, Y.A.B. Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

Pelancaran buku **Manual Pengurusan Tanah Wakaf** yang memberikan garis panduan tadbir urus terbaik dalam isu berkaitan tanah wakaf





Bagi tujuan memperkasakan zakat di peringkat global,

Persidangan Zakat Antarabangsa telah di anjurkan pada 28 November 2006 bertemakan


“Towards The Establishment Of An International Zakat Organization”





“Dan sempurnakanlah Haji dan Umrah kerana Allah”

MAKSUD SURAH AL-BAQARAH: AYAT 196



2007



JAWHAR menyertai pameran Islam Hadhari di Kepala Batas pada 16-18 Mac 2007

Orang ramai mengunjungi gerai pameran JAWHAR





↳ JAWHAR menerima sijil penghargaan daripada YB Menteri

JAWHAR menyertai perkampungan Hadhari di Besut, Terengganu pada 26-29 Julai 2007






Jalinan kerjasama bersama pusat kecemerlangan diperkuuhkan dengan menandatngani Memorandum Persefahaman (MoU).

MoU bersama Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ) telah ditandatangani pada 18 Ogos 2007



◀ Majlis menandatangani MoU disaksikan oleh
YB Menteri di JPM



Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B
Datuk Abdullah bin Md. Zin melakukan **lawatan**
kerja ke JAWHAR pada 21 Ogos 2007





Warga JAWHAR bergambar bersama mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri



▲ **Pengukuhan kerjasama serantau :**
JAWHAR menerima kunjungan
daripada delegasi Filipina pada
23 Ogos 2007




◀ Kunjungan hormat delegasi IKaZ
ke JAWHAR pada 8 Jun 2007



Mantan Perdana Menteri, Y.A.Bhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi melawat gerai JAWHAR sempena Majlis Jamuan Hari Raya JPM pada 24 Oktober 2007





2008



Semangat kekeluargaan dieratkan melalui penglibatan dalam program sosial seperti **Hari Keluarga Agensi Islam Bersama Menteri Di Jabatan Perdana Menteri** yang telah diadakan pada 2 Ogos 2008 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)

JAWHAR menerima kunjungan daripada **Kuwait Awqaf Public Foundation** pada 16 April 2008





JAWHAR mengukuhkan **jalinan kerjasama strategik** bersama pusat kecemerlangan dengan menandatangani **MoU bersama Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang** pada 4 Januari. Majlis ini disempurnakan oleh mantan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dan dibuat bersekali dengan **pelancaran Sistem e-WAKAF**



**JAWHAR ditabalkan sebagai
Johan Pejabat Terbaik
dan Naib Johan Keceriaan
Pejabat Kategori B di Hari
Kualiti JPM 2008 pada 11
Disember 2008**





Lawatan kerja oleh mantan
Menteri Di Jabatan Perdana
Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad
Zahid bin Hamidi pada 7 April
2008



Warga JAWHAR bergambar bersama YB Menteri



Sebagai pendekatan pengurusan JAWHAR untuk mencapai kecemerlangan organisasi, halatuju dan tindakan-tindakan strategik telah ditetapkan dan terkandung dalam **Pelan Strategik JAWHAR**

◀ **Pelancaran Pelan Strategik ICT dan Pelan Strategik Sumber Manusia** JAWHAR telah disempurnakan oleh mantan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi pada 9 Jun 2008





↖ **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan** yang dipengerusikan oleh YB Menteri di JPM telah diadakan pada 9 Jun 2008. Mesyuarat melibatkan wakil daripada semua Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN)




↖ Warga JAWHAR bersama barisan kepimpinan tertinggi jabatan



Bagi meningkatkan kesedaran mengenai zakat terutamanya kepada golongan muda, JAWHAR telah menganjurkan **Pertandingan Pidato Zakat peringkat Sekolah Menengah** yang telah diadakan pada 28 Ogos 2008 di Auditorium Kompleks E, Putrajaya



Mantan YB Menteri membuat lawatan ke booth JAWHAR sempena **Seminar Wakaf Antarabangsa**



Mantan Timbalan Menteri di JPM melawat gerai pameran JAWHAR ➤



Program “**INFAQ**” telah di terbitkan oleh JAWHAR dengan niat meningkatkan kesedaran umum mengenai potensi mempertingkatkan ekonomi serta kebajikan dan kekuatan umat islam menerusi dana-dana Wakaf, Zakat dan Mal.


Program ini bercogankata “**Secupak Nikmat, Segantang Berkat**”

Sesi wawancara penerbitan dokumentari pada 12 November 2008 ➤



“Orang-orang yang menafkahkan hartanya di malam dan siang hari, secara tersembunyi dan terang-terangan, maka mereka mendapat pahala di sisi TuhanNya. Tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) bersedih hati”.

MAKSUD SURAH AL- BAQARAH: AYAT 274



2009



JAWHAR menerima kunjungan daripada
Majlis Muafakat Dakwah Kemboja pada
16 April



Kunjungan hormat Menteri Di JPM, YB Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) ke JAWHAR pada 21 April 2009 ➤

- ▼ Warga JAWHAR bergambar bersama YB Menteri





Usaha **pemantapan institusi Baitulmal** disemarakkan melalui pengajuran **Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009** pada 24-25 Jun 2009 di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Konvensyen ini dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abd. Razak





↳ Penutupan seminar disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri Di Jabatan Perdana Menteri





JAWHAR terus menerima kunjungan daripada delegasi luar Negara bagi tujuan **perkongsian pengalaman dan kepakaran**.

◀ Lawatan daripada delegasi Sudan pada 28 Ogos 2009





Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2009
dan Seminar Zakat Kebangsaan 2009
dengan tema '**Zakat : 1 Kewajipan, Sejuta**
Harapan' di PWTC. Majlis perasmian telah
disempurnakan oleh mantan Timbalan Menteri Di
Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr.
Mashitah Ibrahim pada 11 Ogos 2009

Sebahagian peserta dalam seminar yang diadakan
bagi membincangkan mengenai hal ehwal
pengurusan zakat dan usaha memperkasa institusi
zakat di Malaysia ▶



Bersama penerima Anugerah
Tokoh Usahawan Asnaf





Kunjungan delegasi The Indonesia Magnificence of Zakat (IMZ) pada 12 November 2009






◀ Sebagai tanda prihatin, JAWHAR menyampaikan cek sumbangan Gaza kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM.



◀ Penyertaan dalam sambutan perarakan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada 9 Mac 2009



Majlis Perasmian pejabat Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) oleh mantan Ketua Pengarah JAWHAR pada 14 Ogos 2009



2010



Hubungan kekeluargaan warga JAWHAR dieratkan dalam Program Hari Keluarga JAWHAR yang telah diadakan pada 28 November 2010.





Kursus Intensif Bimbingan Haji telah diadakan pada 14-15 Julai bertempat di Auditorium EA, Kompleks E, Putrajaya





Lawatan sambil belajar oleh Pelajar Tahun Akhir Jurusan Muamalat Universiti Utara Malaysia ke JAWHAR pada 14 Oktober 2010 disambut oleh Pegawai JAWHAR. Majlis sambutan telah diadakan di Auditorium EA, Kompleks E, Putrajaya.

Senior Officials Meeting Towards The Establishment Of World Zakat Organization telah diadakan pada 26-28 Julai 2010






YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri Di JPM beramah mesra dengan wakil delegasi semasa sesi bergambar diadakan selepas majlis perasmian



“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (dia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu atau dua orang lain (yang bukan seagama) dengan kamu, jika kamu dalam pelayaran di muka bumi lalu kamu ditimpa bencana sakit yang membawa maut. Kalau kamu ragu-ragu (tentang kejujuran kedua saksi itu, hendaklah) kamu tahan mereka sesudah selesai sembahyang, kemudian mereka (disuruh) bersumpah dengan nama Allah (dengan berkata: Demi Allah) kami tidak akan menjual sumpah kami untuk mendapat sesuatu harta benda, walaupun orang itu dari kaum kerabat dan kami tidak menyembunyikan (keterangan yang kami ketahui) sebagai saksi (sebagaimana yang diperintahkan oleh) Allah, (kerana jika kami menyembunyikannya) tentulah kami dengan itu termasuk dalam golongan orang-orang yang berdosa.”

MAKSUD SURAH AL-MAIDAH: AYAT 106



2011

Perasmian Seminar Pemantapan Pengurusan

Umrah 1432H telah disempurnakan oleh Mantan Timbalan Menteri di JPM, YB Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim pada tanggal 25 Mei 2011





Sebagai perkongsian pengalaman dan kepakaran, JAWHAR telah menerima lawatan dari delegasi Thailand pada 27 Jun 2011



Kunjungan hormat delegasi dari Filipina pada 27 Julai 2011





Silaturrahim antara JAWHAR dan UAE terus dipererat melalui kunjungan hormat delegasi dari UAE ke JAWHAR pada 21 Julai 2011





Sambutan tetamu Antarabangsa
JAWHAR dari Filipina pada 6 April 2011




Perkongsian pengalaman dalam tadbir urus bidang teras menjadi pemangkin atas Lawatan Pusat Zakat Bosnia ke JAWHAR pada 10 Mei 2011



JAWHAR membina hubungan strategik dengan mengadakan perjumpaan bersama TYT Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia pada 10 Mei 2011





2012



Petikan Ucapan Bajet 2013 oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak , Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 28 September 2012 (Jumaat) dengan tema **“Memakmurkan Negara, Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati.**

Petikan ucapan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada “Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera 2013” di Dewan Agong Tuanku Canselor, Universiti Teknologi MARA (UITM), Shah Alam pada 14 Sept 2013

*“Pada sudut lain pula, banyak aset bukan kewangan seperti harta tanah dalam kalangan masyarakat Bumiputera Islam, yang tidak diuruskan secara teratur atau terbiar menyebabkan nilai aset berkenaan menjadi rendah. Justeru, bagi mengoptimakan nilai dan manfaat aset berkenaan, sebagai permulaan, **Yayasan Wakaf Malaysia akan diperkemaskan, untuk ditukar taraf menjadi entiti Wakaf korporat.**”*

Wakaf Korporat:

*Kerajaan mengambil maklum bahawa Majlis Agama Islam Negeri merupakan pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf dan dana wakaf dalam sesebuah negeri. Institusi wakaf di Malaysia tidak hanya tertumpu kepada pembangunan tanah semata-mata tetapi juga merangkumi wakaf dalam bentuk tunai, saham dan instrument kewangan lain yang dikategorikan sebagai wakaf korporat. Selaras dengan itu, Yayasan Wakaf Malaysia di bawah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) akan diberi tanggungjawab untuk **merangka pelan induk Wakaf Korporat** mengambil kira struktur perundangan Agama Islam Negeri. Pelan induk ini bakal menjadi platform pembangunan wakaf korporat di Malaysia.*

Sebagai usaha meningkatkan tadbir urus institusi wakaf dan baitulmal di Malaysia,
perkongsian pengalaman bersama negara serantau dilaksanakan



Lawatan delegasi Malaysia terdiri daripada pegawai JAWHAR dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) ke Indonesia telah diadakan pada 4-8 November 2012 berkaitan wakaf.







Majlis perasmian sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2012 dengan tema “Agihan Tepat, Zakat Berkat” telah diadakan pada 4 Disember di Hotel Marriot, Putrajaya dan disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), menteri di JPM

- Bersama penerima Anugerah Zakat Kebangsaan 2012





Sekitar majlis berlangsung



Konvoi Kembara Zakat 2012 ➤

Konvoi ini bertujuan untuk menjelaki seterusnya menyampaikan bantuan zakat kepada penerima-penerima yang layak. Konvoi diadakan bersempena dengan sambutan Bulan Zakat Kebangsaan dan disertai oleh pegawai JAWHAR dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN)





JAWHAR menerima
tetamu luar negara
dari Oman pada 28
November 2012

Sambutan tetamu dari Afghanistan pada 6 April 2012 bagi berkongsi pengalaman bersama JAWHAR dan di sambut oleh pegawai kanan JAWHAR.





Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara JAWHAR dengan Universiti Pertanian Malaysia di Dewan Al-Farabi, Fakulti Ekologi Manusia, UPM, Serdang, Selangor Pada 28 Mei 2012

SEMINAR WAKAF SERANTAU 2012

"INSTRUMEN WAKAF : MENJANA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN TAMADDUN UMMAH"

Tarikh : 4-5 September 2012 bersamaan 17-18 Syawal 1433H

Tempat : Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur, MALAYSIA.


Anjuran : Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri

Dengan Kerjasama : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)



“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.”

MAKSUD SURAH AL-BAQARAH: AYAT 261



2013



Sekitar Program Konvoi Kembara Zakat di negeri Pahang Darul Makmur.





Sekitar Program Konvoi Kembara Zakat di negeri Kelantan Darul Naim





YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di JPM membuat lawatan kerja ke JAWHAR pada 14 Januari 2013







JAWHAR menerima kunjungan hormat delegasi dari Bahrain pada 4 Februari 2013



Kunjungan hormat delegasi dari Brunei pada 16 Januari 2013



Lawatan kerja delegasi Oman ke JAWHAR pada 18 September 2013





YBhg. Datuk Haji Anan bin C Mohd, selaku Ketua Pengarah JAWHAR menandatangani MoU bersama Majlis Universiti Islam Malaysia (MUIM) pada 20 November 2013 bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya. Majlis turut disaksikan oleh YB Menteri di JPM





Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan yang telah diadakan pada 30-31 Disember 2013 bertempat di Hotel International, Kuala Lumpur.

Perkongsian amalan terbaik tadbir urus baitulmal bersama negara serantau diteruskan dengan mengadakan lawatan kerja ke **Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)** pada 15-18 Disember 2013. Delegasi disertai oleh pegawai-pegawai JAWHAR dan MAIN serta diketuai oleh Ketua Pengarah JAWHAR, YBhg. Datuk Haji Anan bin C Mohd



Kunjungan hormat delegasi Malaysia ke pejabat WAREES dan ikon-ikon wakaf Singapura



Majlis Perasmian **Bulan Zakat Kebangsaan 2013**
yang telah disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral
Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri
di Jabatan Perdana Menteri pada 10 Disember 2013



YB Menteri bersama dengan Ketua Pengarah
JAWHAR, Ketua-ketua Agensi dan penerima
Anugerah Zakat Kebangsaan 2013






◀ Majlis Pelancaran
Buku Ikon Asnaf
Zakat “Al Barakah”
oleh YB Mejar Jeneral
Dato’ Seri Jamil Khir
bin Haji Baharom (B)
sempena BZK 2013

**Buku Ikon Asnaf
Zakat “Al Baraqah”**
memaparkan contoh-
contoh **kejayaan asnaf**
zakat dari seluruh negara
membebaskan diri dari
belenggu kemiskinan
dengan usaha yang gigih
dan bantuan-bantuan
daripada pihak MAIN.
Kejayaan asnaf-asnaf ini
boleh dijadikan contoh
pada pihak-pihak yang
lain



“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

MAKSUD SURAH AT-TAUBAH: AYAT 103



2014



Penyampaian **Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti** oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara kepada JAWHAR pada 6 Januari 2014





Perarakan Sambutan Maulidurrasul
1435H Pada 14 Januari 2014



JAWHAR menerima kunjungan hormat delegasi dari Jordan pada 7 Ogos 2014



JAWHAR menerima kunjungan hormat daripada rombongan Universiti Islam Malaysia (UIM) pada 20 Februari 2014 dengan membawa **hasrat murni agenda wakaf nasional**





Perhimpunan bersama
Timbalan Ketua
Setiausaha Kanan JPM
bagi bulan September
yang telah diadakan
pada 9 September 2014
bertempat di Blok B1,
Kompleks B, Putrajaya.

**Perhimpunan ini
diurusetiakan oleh
JAWHAR**





Ukhuwwah terjalin mesra

antara pegawai JAWHAR dalam melaksanakan semua aktiviti secara bersama dan harmoni di Kursus Transformasi Diri pada 10-12 September 2014 bertempat di Agrotek, Garden Resort, Hulu Langat, Selangor.





Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2014

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 17 November 2014 bertempat di Hotel Sunway Putra





SENARAI PENYANDANG KETUA PENGARAH JAWHAR

*Terima kasih atas
khidmat bakti yang telah
disumbangkan*



Datuk Haji Anan bin C Mohd
(7 Mei 2011 - kini)



Allahyarham Dato' Dr. Haji Sohaimi bin
Haji Mohd Salleh
(7 Mei 2007 - 6 Mei 2011)



Haji Mohd Zakri bin Haji Hussin
(1 Julai 2005 - 4 Mei 2007)



Allahyarham Dr. Ahmad Shah bin Mohd Nor
(1 Ogos 2004 - 1 Julai 2005)



Aras 7, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya, Malaysia
Tel : 603 8883 7400
Faks : 603 8883 7406
Emel : pejabatam@jawhar.gov.my